

# DHAMOTIL TABLET

Diphenoxylate Hydrochloride/Atropine Sulphate (2.5mg/0.025mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dhamotil
2. Bagaimana Dhamotil berfungsi
3. Sebelum mengambil Dhamotil
4. Cara menggunakan Dhamotil
5. Semasa menggunakan Dhamotil
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dhamotil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dhamotil

Dhamotil digunakan sebagai terapi tambahan dalam rawatan cirit-birit teruk.

Apabila anda mengalami cirit-birit, badan anda kehilangan air dan garam yang penting. Oleh yang demikian, doktor juga boleh memberi anda ubat-ubatan lain untuk membantu menggantikan air dan garam yang anda telah hilang. Dalam beberapa kes, doktor tidak akan memberikan Dhamotil sehingga air dan garam telah digantikan.

## Bagaimana Dhamotil berfungsi

Dhamotil mengandungi diphenoxylate hydrochloride dan atropine sulphate.

Diphenoxylate adalah bahan aktif Dhamotil. Ia mempunyai kesan memperlambatkan aktiviti usus.

## Sebelum mengambil Dhamotil

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Dhamotil jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada diphenoxylate hydrochloride, atropine sulphate atau mana-mana bahan-bahan lain dalam tablet.
- Anda mengalami jaundis (kekuningan kulit atau putih mata anda disebabkan oleh penyakit hati).
- Anda mempunyai halangan usus yang menghalang makanan

dari bergerak melalui sistem pencernaan anda.

- Anda mempunyai cirit-birit akibat daripada beberapa jenis bakteria yang dipanggil *enterotoxin-producing bacteria*, atau dari penyakit usus yang teruk yang dipanggil *pseudomembranous enterocolitis* (keradangan pada usus besar), yang mungkin disebabkan oleh antibiotik tertentu.
- anak anda yang mengambil ubat itu adalah di bawah 6 tahun

### -Sebelum mula mengambil

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhamotil jika:

- anda hamil atau sedang menyusukan anak
- anda mempunyai dehidrasi atau ketidakseimbangan elektrolit (mineral dalam badan) yang teruk
- penyakit buah pinggang atau hati

Diphenoxylate hydrochloride dan atropine sulphate boleh meresap ke dalam susu ibu. Atropine Sulphate boleh memasuki plasenta. DHAMOTIL hanya boleh digunakan jika potensi faedah melebihi potensi risiko kepada janin.

Jika anda tidak pasti jika mana-mana yang tersebut di atas berkenaan dengan anda, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhamotil.

### Memandu dan mengendalikan mesin

Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jika anda rasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan jentera. Elakkan minuman beralkohol.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Ini termasuk:

- Ubat untuk kemurungan iaitu monoamine oxidase inhibitors (MAOIs)
- Ubat-ubatan untuk merawat keresahan dan rasa tertekan seperti barbiturates dan tranquilizers.

## Cara menggunakan Dhamotil

### -Berapa banyak harus diambil

Dewasa: 1 hingga 2 tablet, 3 atau 4 kali sehari atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.

### -Bila perlu diambil

Ambil Dhamotil pada masa yang sama setiap hari. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Dhamotil tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat dan kemudian ambil dos seterusnya pada masa yang tepat.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) telah mengambil banyak tablet pada masa yang sama, atau anda menyaki kanak-kanak mungkin melannya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menjadi sangat serius, dan boleh menyebabkan tidak sedarkan diri atau kesukaran bernafas.

Simptom-simptom lain termasuk:  
 -kulit kering  
 -*tachycardia* (kadar jantung cepat yang luar biasa)  
 -*flushing* (muka atau kulit menjadi merah)

# DHAMOTIL TABLET

Diphenoxylate Hydrochloride/Atropine Sulphate (2.5mg/0.025mg)

-*hyperthermia* (suhu badan melebihi tahap normal)  
 -*miosis* (anak mata mengecil dengan melampau)  
 -*hypotonia* (keadaan otot yang lemah, kekuatan ton otot berkurangan)  
 -*nystagmus* (pergerakan mata secara luar kawalan)  
 -*seizures* (sawan)  
 -rasa letih

## Semasa menggunakan Dhamotil

-Perkara yang perlu dilakukan  
 Hentikan rawatan apabila pembuangan air besar kembali menjadi normal. Dapatkan nasihat doktor jika cirit-birit adalah berdarah atau berlanjutan untuk lebih daripada 3 hari.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan  
 Jangan melebihi 8 tablet dalam masa 24 jam.

-Perkara yang perlu diberi perhatian  
 Dhamotil tidak boleh digunakan pada kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

## Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Dhamotil boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami simptom-simptom berikut yang membimbangkan anda. Ini termasuk:  
 -Perasaan kebas pada jari, tangan, lengan, kaki  
 -rasa mengantuk  
 -sakit kepala  
 -reaksi alahan contohnya gatal, kemerahan, bengkak  
 -muntah  
 -loya  
 -anoreksia (masalah pemakanan)  
 -ketidakselesaan perut.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak

disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dhamotil

-Penyimpanan  
 Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.  
 Simpan di bawah suhu 30°C dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan  
 Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya. Sila pulangkan tablet yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan tablet jika doktor anda menasihatkan anda. Jangan buang ubat tersebut di dalam air buangan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

## Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk  
 Tablet bulat, bersalut filem dan berwarna hijau, diameter 6mm, tanpa garis skor dan logo.

## -Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif  
 Setiap tablet mengandungi:  
 -2.5mg Diphenoxylate Hydrochloride BP  
 -0.025mg Atropine Sulphate BP

Bahan bukan aktif  
 Povidone 30, corn starch, magnesium stearate, titanium dioxide, FDC Blue no. 1 aluminium lake, lactose mesh 30, propylene glycol, hydroxypropylmethylcellulose, quinoline yellow E104 aluminium lake

-Nombor MAL  
 MAL19890376AZ

## Pengilang

Drug Houses of Australia Pte. Ltd.  
 #09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,  
 No. 2, Chia Ping Road,  
 Singapore 619968

## Pemegang Pendaftaran Produk

Actavis Sdn Bhd (760427-P)  
 C/o Allergan Malaysia Sdn Bhd  
 Level 5-02, Block A, PJ 8, No. 23, Jalan Barat Seksyen 8,  
 46050 Petaling Jaya, Selangor,  
 Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
 16/02/2016

**Nombor siri:**  
 BPFK(R4/1)160216/00034